

BAB 6

KESIMPULAN

BAB 6

KESIMPULAN

Sebanyak 315 spesies tumbuhan telah diperolehi daripada tujuh perkampungan masyarakat Asli yang telah dikaji manakala jumlah keseluruhan aksesi yang telah direkodkan adalah sebanyak 508. Daripada jumlah itu sebanyak 92 aksesi telah direkodkan di Musoh , 94 aksesi di Gedong, 61 aksesi di Kemar dan 68 aksesi di Air Bah. Di Aring pula sebanyak 79 aksesi tumbuhan telah dicatatkan manakala 80 aksesi di Peta dan 34 aksesi di Fort Iskandar. Jumlah kutipan tumbuhan yang paling banyak direkodkan adalah di Gedong, diikuti oleh Musoh, Peta, Aring, Air Bah dan Kemar manakala Fort Iskandar mencatatkan jumlah paling sedikit.

Spesies-spesies tumbuhan yang telah direkodkan di setiap tapak kajian telah dikategorikan mengikut empat penggunaan iaitu yang digunakan sebagai makanan, perubatan, pertukangan/pelbagaiguna dan kepercayaan. Sebanyak 131 spesies tumbuhan yang telah digunakan sebagai makanan, 142 spesies untuk tujuan perubatan, 86 spesies digunakan untuk pertukangan/pelbagaiguna dan sebanyak 36 spesies telah digunakan untuk kepercayaan.

Jumlah tumbuhan paling banyak digunakan adalah untuk perubatan iaitu sebanyak 142 spesies. Hampir keseluruhan tumbuhan perubatan ini diambil daripada hutan dan digunakan dalam bentuk segar iaitu ia tidak dikeringkan dan disimpan lama. Selain daripada tumbuhan, peranan bomoh dan dukun adalah penting untuk menjalpi bagi menyembuhkan pesakit.

Bahagian tumbuhan yang sering digunakan sebagai ubat adalah bahagian akar dan daun, sejumlah kecil spesies tumbuhan lain digunakan bahagian batang, bunga dan buah. Air rebusan akar dan daun biasanya diminum untuk merawat penyakit seperti demam, selsema, batuk, cirit-birit, kencing manis, kencing berdarah, batu karang, mengecutkan rahim bagi wanita yang lepas bersalin, sebagai tonik untuk mengembalikan tenaga dan menambah tenaga batin dan ubat untuk merancang keluarga yang biasanya diminum oleh kaum wanita. Air rebusan ini juga dibuat mandi dan berurut untuk mengubati penyakit demam, batuk, selsema, sakit sendi dan tulang. Daun dan batang juga ditumbuk lumat untuk digunakan bagi mengubati penyakit luaran seperti luka, kudis, menghilangkan bengkak, panas badan dan sakit kepala. Terdapat juga beberapa spesies tumbuhan di mana bahagian batang dan akar dimamah mentah untuk menghilangkan kembung perut, sebu dan membuang angin.

Setiap masyarakat Asli ini mempunyai spesies tumbuhan perubatan yang berbeza dan cara penyediaan tumbuhan sebelum digunakan juga kebanyakannya adalah berlainan. Bahagian tumbuhan yang sering digunakan ialah akar dan kaedah penyembuhan yang paling mujarab ialah dengan cara meminum air rebusannya.

Bilangan tumbuhan yang digunakan untuk makanan adalah sebanyak 131 spesies. Kebanyakan spesies yang dimakan oleh ke semua masyarakat asli ini adalah hampir sama kecuali sayur-sayuran (pucuk) adalah berbeza mengikut flora di sesuatu tapak kajian. Tumbuhan makanan ini kebanyakannya dipungut daripada hutan dan belukar yang terletak berhampiran rumah. Makanan utamanya iaitu beras, jagung, ubi kayu, keladi, keledek dan beberapa sayuran lain yang ditanam di ladang atau pun di kawasan rumah. Tumbuhan

tumbuhan ini dimasak terlebih dahulu sebelum dimakan iaitu samada direbus, dibakar atau di goreng.

Terdapat juga beberapa spesies tumbuhan yang dimakan mentah sebagai ulam seperti petai, jering, putat, terung, nenas dan mangga. Spesies seperti kunyit, halia, lada, teja dan asam digunakan sebagai perasa dalam masakan. Mereka juga memakan buah-buahan seperti tampoi, durian dan rambutan, spesies ini dimakan apabila masak dan hanya boleh didapati mengikut musim.

Sebanyak 86 spesies daripada keseluruhan tumbuhan yang telah direkodkan digunakan untuk pertukangan/pelbagaiguna. Pokok buluh dan palma adalah paling banyak digunakan kerana tumbuhan ini mempunyai pelbagai kegunaan. Buluh digunakan untuk membina rumah samada sebagai lantai, dinding ataupun atap. Ia juga digunakan membuat sumpitan, alat menangkap ikan dan perangkap binatang, sebagai bekas untuk mengisi air, memasak makanan, titi, pagar, rakit dan sebagainya.

Bagi tumbuhan jenis palma iaitu daun bertam dan cucuh digunakan untuk membuat atap dan dinding. Beberapa spesies rotan digunakan untuk membuat tali pengikat, bakul dan nyiru. Hanya beberapa spesies sahaja yang digunakan sebagai perhiasan. Mengkuang digunakan untuk membuat tikar, bakul dan beberapa kraftangan lain. Kulit kayu sepang, buah sumbe, rizom spesies halia dan ubi *Dioscorea* sp. digunakan sebagai pewarna. Kebanyakan spesies yang digunakan oleh ke semua masyarakat Asli yang dikaji untuk pertukangan/pelbagaiguna adalah sama dari segi spesies dan tujuan kegunaannya.

Bilangan tumbuhan paling sedikit yang telah direkodkan adalah yang digunakan untuk kepercayaan iaitu sebanyak 36 spesies. Spesies-spesies tumbuhan ini kebanyakannya digunakan dalam upacara sewang untuk menyembuhkan penyakit dan juga memuja roh.

Terdapat juga spesies yang digunakan untuk menimbulkan perasaan sayang atau benci pada seseorang. Beberapa spesies tumbuhan dalam kategori ini digunakan untuk memberi kekuatan, kesihatan dan sebagai pendinding daripada kejahatan dan bencana manakala beberapa spesies lain menjadi pantang pada kaum wanita. Bahagian tumbuhan yang sering digunakan dalam kategori ini adalah daun yang berbau, akar dan rizom.

Kebanyakan tumbuhan yang telah direkodkan digunakan satu bahagian sahaja iaitu samada daun, batang, akar, bunga atau buah bagi satu kategori oleh sesebuah masyarakat asli ini. Walaubagaimana pun terdapat juga spesies tumbuhan yang digunakan sebaliknya iaitu dua atau tiga bahagian untuk lebih daripada satu kategori. Hanya satu spesies iaitu *Caryota mitis* yang digunakan untuk ke empat-empat kategori. Sebahagian besar daripada spesies-spesies ini dipungut daripada hutan berhampiran penempatan mereka.

Secara umumnya keseluruhan masyarakat Asli yang dikaji ini menjalankan aktiviti pertanian, memungut hasil hutan dan memburu untuk memenuhi keperluan sehari-hari. Pekerjaan utama masyarakat Asli di Musoh, Gedong dan Peta ialah sebagai petani. Mereka mengusahakan ladang yang ditanam dengan tumbuhan makanan utama iaitu padi bukit, jagung, ubi kayu, keledek, keladi dan beberapa sayuran lain. Masyarakat Asli di Peta mengusahakan tanaman getah, kopi dan koko manakala di Fort Iskandar mereka menanam getah dan kelapa sawit tetapi terdapat segelintir daripada mereka yang masih menjalankan pertanian tradisional. Selain daripada pertanian, mereka juga menjual hasil hutan iaitu buah-buahan, rotan dan tumbuhan perubatan untuk menambah pendapatan.

Kemudahan perhubungan dengan masyarakat luar telah membuka peluang pekerjaan baru iaitu sebagai buruh, peniagaan runcit dan mencuburi bidang perlancongan.

Pembinaan jalan juga telah memudahkan kerajaan untuk menyalurkan kemudahan seperti sekolah, klinik dan beberapa kemudahan lain untuk dinikmati oleh penduduk berkenaan.

Jumlah tumbuhan yang telah diperolehi di setiap tapak kajian telah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Persekutaran tempat tinggal merupakan faktor utama yang telah mempengaruhi jumlah tersebut. Tapak kajian yang masih dikelilingi oleh hutan (Musoh dan Gedong) telah memberikan jumlah tumbuhan berguna yang paling banyak berbanding dengan persekitaran yang telah diterokai. Pembukaan hutan oleh agensi kerajaan dan diganti dengan tanaman komersial iaitu getah dan kelapa sawit telah menngurangkan dan seterusnya menjelaskan serta memusnahkan bekalan tumbuhan yang biasa digunakan oleh masyarakat Orang Asli yang dikaji ini. Selain daripada itu, aktiviti ini juga telah mengurangkan tanah untuk bercucuk tanam, menjadikan tanah pertanian kurang subur dan kering serta mengeringkan sungai yang digunakan untuk saliran ke tanah pertanian dan untuk kegunaan sehari-hari.

Pengambilan sumber hutan secara berlebihan untuk memenuhi permintaan pasaran luar bagi membuat perabot, kraftangan dan sebagai perhiasan juga telah mempengaruhi jumlah tumbuhan yang diperolehi. Walaupun penjualan hasil hutan ini telah menambah pendapatan mereka tetapi tanpa disedari aktiviti ini telah mengurangkan spesies tumbuhan berkenaan dan mungkin juga diancam pupus.

Pembinaan jalan yang menghubungkan perkampungan Orang Asli yang dikaji ini dengan dunia luar, juga telah mengurangkan penggunaan tumbuhan di kalangan mereka di dalam kehidupan sehari-hari. Jalan telah memudahkan mereka untuk mendapatkan beberapa barang keperluan moden malah ia telah juga mendedahkan masyarakat ini kepada penggunaan radio dan televisyen yang secara tidak langsung telah mengubah gaya hidup

mereka. Sektor pelancongan telah membawa beberapa kemajuan di perkampungan yang terlibat dan perubahan kepercayaan iaitu daripada kepercayaan animisme kepada agama Islam dan Kristian juga telah mengurangkan penggunaan tumbuhan.

Secara keseluruhannya, hutan yang terdapat di persekitaran tempat tinggal masyarakat Orang Asli yang dikaji ini masih lagi memainkan peranan yang penting bagi membekalkan bahan mentah berdasarkan tumbuhan untuk memenuhi sebahagian besar daripada keperluan hidup mereka. Walaubagaimana pun penerokaan hutan yang telah, sedang dan akan dijalankan di persekitaran tempat kediaman masyarakat ini telah menjadikan bekalan tersebut dan seterusnya menyebabkan beberapa spesies yang biasa digunakan musnah serta sukar untuk diperolehi. Selain daripada itu, aktiviti ini juga telah menjadikan habitat semulajadi haiwan terutamanya yang menjadi binatang buruan untuk dijadikan makanan. Keadaan ini telah mengakibatkan masyarakat yang dikaji ini mengalami kekurangan sumber makanan untuk menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat.

Pada pandapat saya, kebanyakan masyarakat Asli yang dikaji ini masih lagi berada di peringkat untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan dan perubahan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Contohnya, walaupun kerajaan telah mendirikan sekolah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak masyarakat ini, tetapi mereka masih tidak dapat mengikuti proses pembelajaran dengan baik dan sebahagian besar di antara mereka tidak mengenal huruf. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan oleh faktor kesukaran untuk menghadirkan diri ke sekolah mengikut waktu yang ditetapkan, tinggal jauh daripada sekolah, kurang minat dan tidak yakin bahawa pelajaran akan dapat membantu memperbaiki taraf hidup pada masa akan datang. Menurut Mohamad Hanif

(1991), kebanyakkan murud-murid Orang Asli ini bersifat rendah diri, gagal menyesuaikan diri dengan persekitaran persekolahan, kurang kesedaran dan tidak mendapat dorongan daripada keluarga. Ini menyebabkan hampir keseluruhan daripada mereka tidak menghabiskan persekolahan. Walaubagaimana pun terdapat segelintir daripada mereka yang kini telah menjawat jawatan penting di dalam agensi kerajaan dan swasta.

Penerangan mengenai kepentingan pelajaran kepada kanak-kanak dan ibu-bapa mestalah diberikan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi menjamin masyarakat Asli yang akan datang menjadi generasi yang berilmu dan mampu berdaya saing. Selain daripada itu bantuan peralatan sekolah dan makanan berkhasiat mestalah terus dibekalkan bagi mengurangkan tekanan kemiskinan dan mengatasi masalah kekurangan zat di kalangan murid-murid tersebut.

Mereka juga kurang berminat untuk menyertai rancangan penanaman getah dan kelapa sawit yang dijalankan oleh Felcra dan DARA. Keadaan ini berlaku mungkin kerana mereka tidak biasa dengan amalan pertanian moden yang menggunakan jentera dan baja kimia serta memerlukan penjagaan dan pengawasan rapi terhadap tanaman tersebut. Amalan pertanian moden ini jelas berbeza dengan cara pertanian tradisional yang selama ini diamalkan oleh mereka selama beberapa generasi. Tunjuk ajar, panduan serta nasihat mengenai teknik pertanian moden mestalah diberikan oleh pihak yang terbabit bagi memastikan masyarakat tersebut berminat untuk turut serta dalam projek pertanian ini dan seterusnya memperolehi pendapat yang lumayan serta dapat meningkatkan taraf kehidupan.

Ketiadaan hutan juga telah menghadkan/mengurangkan bekalan tumbuhan untuk kegunaan seharian samada untuk makanan, perubatan, pertukangan/pelbagaiguna dan kepercayaan. Hutan yang tinggal di persekitaran mereka tidak dapat menampung keperluan yang semakin meningkat selaras dengan pertambahan populasi di sesuatu tapak kajian. Keadaan ini telah memaksa mereka menggunakan barang moden yang boleh diperolehi dengan mudah dari pekan yang berhampiran.

Dari segi makanan, kebanyakan daripada masyarakat ini lebih mengutamakan penggunaan tumbuh-tumbuhan yang ditaman sendiri di ladang, di kebun ataupun dipungut daripada hutan dan belukar yang berdekatan dengan kawasan penempatan. Mereka hanya akan membeli makanan apabila bekalan tumbuhan makanan semulajadi tiada atau sukar untuk diperolehi. Mereka juga menggunakan bубу dan lukah serta tali pengikat yang dibuat sendiri, hanya beberapa peralatan untuk membuat pekerjaan seperti parang dan jala dibeli daripada kedai.

Orang-orang tua di kalangan masyarakat Asli ini masih lagi berharap agar amalan budaya dan cara hidup nenek moyang mereka terus diamalkan oleh generasi muda. Bagaimanapun harapan ini menjadi semakin tipis akibat daripada ketiadaan hutan yang telah mengubah persekitaran semulajadi tempat tinggal mereka. Keadaan ini telah menyebabkan kebanyakan ilmu dan pengetahuan mengenai tumbuhan tidak dapat diturunkan kepada generasi baru untuk diwarisi. Di samping itu juga generasi muda masyarakat ini dilihat lebih gemar hidup dengan budaya moden yang lebih mudah serta lebih materialistik.

Penyediaan beberapa kemudahan infrastruktur dan pembangunan masyarakat yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan di penempatan masyarakat Orang Asli yang dikaji ini adalah bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup dan ekonomi. Seterusnya untuk menjadikan mereka sebagai generasi yang berilmu, melibatkan diri dalam rancangan-rancangan pembangunan serta dapat merasai kemajuan yang dikehendaki oleh negara. Walaubagaimana pun pembangunan ini telah mengakibatkan kehilangan hutan di persekitaran tempat tinggal yang selama ini merupakan nadi utama untuk mereka mendapatkan bekalan kehidupan harian. Selain daripada itu pembinaan jalan raya, penggunaan radio dan televisyen, pelancongan dan pertukaran kepercayaan telah mengakibatkan masyarakat ini mengalami perubahan dari segi cara hidup dan kebudayaan, seterusnya telah mengurangkan penggunaan tumbuh-tumbuhan di dalam kehidupan seharian.

Keunikan cara hidup dan kebudayaan masyarakat Asli di Malaysia ini menjadi salah satu daripada khazanah budaya negara. Cara hidup, makanan dan kepercayaan mereka yang berasaskan hutan dan tumbuh-tumbuhan serta pengetahuan yang luas mengenai tumbuh-tumbuhan hutan dan kemahiran mendiami hutan belantara mestilah dikekalkan, dalam masa yang sama mereka juga mestilah diberi peluang untuk menikmati pembangunan negara.